

10/08/1998

Ulama moden wajar perluas ilmu

Muhamad Razak Idris

KETIKA berucap merasmikan Sambutan Maulidur Rasul 1419 yang lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangkitkan sekali lagi soal reformasi budaya dan pemikiran umat Islam. Tumpuannya kali ini ditujukan kepada ulama dan tokoh agama. Beliau menyeru supaya ulama dan mereka yang arif mengenai agama menguasai semua ilmu pengetahuan dan cuba bersikap rasional dan seimbang dalam mengupas persoalan mengenai aspek keduniaan dan akhirat. Ini kerana Islam itu ialah addin atau cara hidup yang memberi makna yang bukan terbatas kepada soal hari kemudian yang pasti berlaku, tetapi juga realiti dan pengalaman sejarah yang terjadi di dunia ini.

Ulama perlu bersikap positif terhadap seruan ini. Ada beberapa perspektif penting yang harus ditelusuri apabila seruan ini diucapkan oleh Perdana Menteri. Pertama, fungsi dan pengaruh ulama diperakui secara terbuka sebagai penyumbang yang penting dalam perkembangan pemikiran umat. Kedua, ia adalah kritikan terhadap amalan budaya dan pemikiran kelompok ulama sendiri yang dilihat tidak dinamik dan berdaya saing dalam arus perubahan zaman yang pantas. Ketiga, ia juga mencetuskan suatu usaha bagi suatu penafsiran baru terhadap makna dan status ulama dalam konteks moden supaya pemakaian istilah dan status itu benar-benar memaparkan kredibiliti dalam aspek keilmuan, peribadi dan fungsi selaras dengan perubahan zaman.

Ulama yang bertaburan dalam negara kini, sebahagiannya yang dilantik dan sebahagian yang mengaku sebagai ulama, perlu diklasifikasikan secara jelas. Keempat, ia adalah cabaran paling besar kepada ulama sendiri untuk melakukan muhasabah dan kritikan diri terhadap sumbangan dan fungsi mereka dalam masyarakat.

Sebarang usaha dan tekad untuk berubah, seterusnya melakukan reformasi terhadap budaya dan pemikiran masyarakat harus bermula dengan ulama dan agamawan. Pada beberapa ketika dulu, ulama dan agamawan adalah satu institusi yang berpengaruh dalam struktur sosial umat Islam. Bidang dan persoalan perbicaraan mereka berkisar mengenai prinsip agama dan kerohanian yang tinggi, aspek paling dihormati kerana ia berkaitan soal maruah dan harga diri. Keputusan dan pendapat ulama berkaitan persoalan kehidupan dianggap benar. Mereka adalah sumber ilmu dan petunjuk kerana masyarakat amat mempercayai ulama sebagai pewaris Nabi. Tanggapan dan telahan ulama dianggap keramat dan berkat. Tidak semua layak berada dalam struktur sosial ini sekiranya mereka tidak mempersiapkan diri dengan ciri-ciri utama seperti menguasai bahasa Arab, kemahiran di bidang aqidah dan fikah serta memiliki keperibadian yang mulia. Pada ketika itu, sumber ilmu pengetahuan masih lagi terbatas. Bilangan umat Islam yang terdidik di luar negara masih sedikit dan sebahagian mereka adalah kalangan elit dan berada.

Fungsi mereka apabila pulang ke tanah air lebih tertumpu di bidang pentadbiran dan pengurusan politik dan ekonomi negara dan tidaklah memberi pengaruh yang tinggi terhadap masyarakat Melayu tradisional waktu itu. Tambah lagi, penuntut lepasan dari pusat pengajian Inggeris masih dipandang serong sebagai tidak 'Islamik' kerana mewarisi ilmu sekular dari Barat. Perspektif ilmu dan kebenaran dalam persoalan kehidupan semasa, bagi masyarakat Melayu tradisional di desa dan kampung ditentukan oleh ulama dan agamawan, yang kebanyakannya adalah lepasan pondok dan pengajian di Timur Tengah.

Maka berlaku dua kelompok aliran pemikiran yang saling pengaruh-mempengaruhi antara satu dengan lain selepas diperkenalkan Dasar Ekonomi

Baru (DEB), yang membuka peluang kepada anak-anak Melayu daripada kelas menengah dan bawahan, yang sebahagian daripada mereka berasal dari kampung dan desa, melanjutkan pelajaran dan menimba ilmu pengetahuan di luar negara di institusi pengajian tinggi Barat. Jumlah mereka yang berpuluh ribu itu, bukan saja membentuk satu kelompok kelas menengah yang baru lagi berpengaruh, malah memperkukuhkan satu aliran pemikiran yang baru dalam melihat sesuatu isu dan persoalan mengenai kehidupan terutamanya dalam aspek keduniaan, yang berbeza sama sekali dengan pegangan tradisi yang dipelopori ulama tempatan.

Kebenaran ditanggapi secara berbeza disebabkan orientasi pengajian yang berlainan, sumber ilmu yang pelbagai dan meluas, pengalaman sejarah serta interaksi serantau dan global memperkaya penemuan dan tafsiran baru terhadap persoalan ilmu pengetahuan dan kebudayaan. Walau apapun alasan untuk kita terus berpegang dengan kebenaran tradisi, ulama harus mengakui dengan dada yang terbuka bahawa struktur pemikiran masyarakat kita berubah dan menjadi semakin kompleks akibat pengaruh dan kesan perspektif baru yang muncul dan berkembang. Apabila struktur dan corak pemikiran sesebuah masyarakat berubah, ia mempengaruhi kelakuan dan gaya hidup sesebuah masyarakat itu. Masyarakat moden sudah tidak pandai untuk berlapak dan berpantun dalam percakapan harian yang menjadi ciri kehalusan budi masyarakat Melayu tradisional kita suatu waktu dulu. Malah konsep budi juga sudah berbeza. Terdapat beberapa aspek lain seperti dari segi berpakaian, kerukunan hidup berjiran, konsep dan fungsi keluarga sudah berubah berbanding tradisi kita yang terdahulu.

Perubahan ini menjadi arus perdana dalam kehidupan seharian. Ditambah pula dengan perkembangan dunia yang pantas hasil penemuan baru dalam bidang ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, serta kejayaan saintifik di bidang luar jangkauan manusia terdahulu. Kini, ia menjadi suatu kenyataan. Manusia sudah mampu untuk berulang-alik ke angkasa dan alam siber menjadi suatu dunia keajaiban yang membentuk minda dan budaya baru manusia. Alat teknologi terkini yang dicipta seperti komputer dan peralatan komunikasi mutakhir, memberi satu perspektif baru kepada kehidupan mengenai keajaiban alam dan dunia yang mesti diterokai. Dan kini, ketahanan untuk bersaing dinilai daripada keupayaan dan penguasaan penemuan baru ini. Perkembangan ini juga antara elemen yang membentuk suatu tanggapan baru terhadap Islam itu sendiri.

Arus perkembangan Islam beberapa dekad yang lalu memainkan fungsi penting, sekurang-kurangnya, menarik minat kelompok elit dan menengah untuk melihat, meninjau dan menilai Islam sebagai suatu agama dari perspektif baru. Mereka berasakan Islam mempunyai fungsi dalam perkembangan dunia hari ini dan mereka yakin memang seharusnya Islam memainkan fungsi kerana Islam adalah satu cara hidup dan bersifat merentasi zaman dan usia. Apabila Islam diyakini sebagai suatu cara hidup, ia bererti Islam itu dinamik dan sepadu dan sama sekali tidak ada sebarang bentuk pemisahan antara aspek keduniaan dan akhirat. Mereka yakin kemunduran umat Islam bukannya kerana kelemahan pada agama tetapi penafsiran terhadap Islam yang mengongkong untuk berdaya saing dan memajukan diri di pentas global. Pada mereka, kekurangan umat Islam di bidang profesional, sains dan teknologi bukan kerana ia tidak digemari Islam, tetapi kerana tidak ada penekanan dan saranan yang berterusan daripada pentafsir Islam itu sendiri. Pada mereka, pentafsir Islam tidak realistik, ketinggalan, tidak dinamik dan masih dibelenggu kejumudan.

Dalam konteks negara kita hari ini, sebahagian kelompok masyarakat sudah berani mempertikai tafsiran yang dibuat oleh ulama tempatan. Pemikiran ulama bukan lagi menjadi satu arus perdana tetapi terpinggir dan tersudut. Mereka cuma diperlukan apabila membicarakan persoalan ibadat semasa dan hukum-hakam fikah yang bersifat teknikal dan ritual.

Inilah dilema yang terjadi hari ini. Adakah ulama harus mengikut arus perubahan pemikiran terbanyak atau teguh dan yakin dengan kepercayaan tradisional mereka? Apabila ulama diseru supaya menguasai semua ilmu, ia tidak bermakna untuk mereka menguasai setiap ilmu yang ada dalam dunia ini kerana ia adalah saranan yang ideal dan mustahil. Yang penting, ulama dan agamawan harus memiliki ilmu yang bersepadu. Unsur kerohanian harus disadurkan dengan perspektif fizikal. Aspek akhirat dan keduniaan harus dibahas secara menyeluruh agar wujud perkaitan yang seimbang dalam pandangan kerohanian yang tinggi. Ilmu baru dari sumber dan punca yang moden tidak harus ditolak secara membuta-tuli tanpa dibahas secara ilmiah dan dada terbuka.

Ulama harus bersikap positif dan menunjukkan minat yang luar biasa untuk mengetahui persoalan dan penemuan baru di bidang pemikiran dan sains di samping terus teguh dengan tunjang tradisi yang dimiliki. Asas tradisi yang dianuti pula hendaklah terbuka untuk diperbaharui sekiranya wujud pandangan baru yang mengesahkan kesahihan sesuatu sikap dan pendirian. Ulama yang berlapang dada dan bersikap terbuka terhadap sesuatu aliran yang bertentangan dengan pendirian dan menunjukkan sikap rendah diri untuk mengetahui sesuatu adalah ciri ulama dinamik pada zaman moden hari ini.

Apa yang terjadi kini ialah sebaliknya. Ia berpunca dari sikap ulama sendiri yang dilihat cuba memonopoli ilmu pengetahuan dan kebenaran. Ulama tidak dilihat begitu berminat terhadap perkembangan ilmu moden apatah lagi untuk terbabit secara langsung. Masih wujud kepercayaan bahawa ilmu yang datang dari Barat itu sekular, dengan demikian perlu dijauhi kerana ia boleh menggugat akidah umat Islam. Ilmu Islam pada sesetengah ulama kita ialah ilmu fikah, tauhid, tafsir dan bahasa Arab. Perspektif yang sempit menyebabkan sebahagian generasi muda umat Islam hilang motivasi dan semangat untuk menyertai bidang baru yang amat dituntut dalam dunia moden hari ini. Ditambah lagi sebahagian besar ulama asyik berbahas dan berceramah mengenai persiapan menuju hari akhirat seolah-olah menyeru supaya umat Islam meninggalkan kehidupan dunia ini. Saranan dan nasihat supaya umat Islam memajukan diri, menguasai ilmu pengetahuan, memiliki ketrampilan dan kemahiran terkini seterusnya menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan tamadun manusia seringkali tercicir. Tambahan lagi, sebahagian ulama yang terbabit dalam kemelut politik kepartian, menyebarkan kefahaman dan pendirian yang bersikap berat sebelah dan memihak, menambahkan lagi rasa kurang hormat terhadap institusi ulama di Malaysia.

Hal yang demikianlah, antara lain faktor atau punca menyebabkan ulama di pandang sepi dan tidak mampu diketengahkan dalam masyarakat mutakhir kini. Kita mengimpikan satu barisan ulama baru yang dinamik dan maju, ikhlas dan tekun dalam perjuangan ilmu dan kemanusiaan. Kelahiran ulama baru harus bermula dengan perubahan sikap daripada ulama sendiri iaitu mereka harus menunjukkan minat untuk memajukan diri. Ulama akan berfungsi dengan penuh berpengaruh sekiranya wibawa ilmu mereka dapat ditingkatkan sejajar dengan perkembangan ilmu moden hari ini. Ulama adalah benteng akidah umat Islam dan pemangkin usaha reformasi dan pembaharuan masyarakat.

Ulama pada zaman moden bukan lagi berfungsi cuma sebagai pengingat mengenai azab dan balasan akhirat kelak, tetapi pelopor dalam usaha pembinaan peradaban Islam yang unggul di muka bumi ini. Dalam menjayakan amanah ini, ulama harus terus belajar dan mempersiapkan diri. Tugas pertama ulama dalam usaha pembaharuan ini ialah berusaha menguasai bahasa Inggeris dan mempelajari komputer.

(END)